Total insanity		100%
Any other injury causing permanent total disablement		100%
Loss of or permanent total loss of use of arm at shoulder		100%
Loss of or permanent total loss of use of arm between shoulder and elbow		100%
Loss of permanent total loss of use of arm at elbow		100%
Loss of permanent total loss of use of arm between elbow and wrist		100%
Loss of permanent total loss of use of hand at wrist		100%
Loss or permanent total loss of use of leg	At hip	100%
	Between knee and hip	100%
	Between knee and ankle	100%
Loss of eye	Whole eye	100%
	All sight in an eye	100%
	All sight in an eye, except perception of light	50%
	Lens of one eye	50%
Loss of or permanent total loss of use of four fingers and thumb of one hand		50%
Loss of permanent total loss of use of four fingers		40%
Loss of permanent total loss of use of thumbs	Both phalanges	30%
	One phalanx	15%
Loss of or permanent total loss of use of index finger	Three phalanges	15%
	Two phalanges	10%
	One phalanx	5%
Loss of or permanent total loss of use of middle finger	Three phalanges	8%

	Two phalanges	5%
	One phalanx	3%
Loss of or permanent total loss of use of ring finger	Three phalanges	6%
	Two phalanges	5%
	One phalanx	3%
Loss of or permanent total loss of use of little finger	Three phalanges	5%
	Two phalanges	4%
	One phalanx	3%
Loss of or permanent total loss of use of metacarpals	First or second (additional)	4%
	Third, fourth or fifth (additional)	3%
Loss of or permanent total use of toes	All	20%
	Great, both phalanges	8%
	Great, one phalanx	3%
	Other than great, if more than one toe lost each	2%
Loss of hearing	Both ears	75%
	One ear	25%
Loss of speech		50%
Shortening of arm	More than 1" up to 2"	2.5%
	More than 2" up to 4"	5%
	More than 4"	12.5%
Shortening of leg	More than 1" up to 2"	5%
	More than 2" up to 4"	10%
	More than 4"	25%

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI AUTO GUARD



1. APAKAH YANG MEMBENTUK POLISI INI

Insurans ini tidak melindungi **Anda** terhadap segala-galanya yang boleh berlaku.

Sila baca **polisi Anda** dengan teliti untuk memastikan:

- **Anda** memahami apa yang di lindungi.
- Apa yang tidak dilindungi.

*Jika mana-mana maklumat pada jadual polisi **Anda** adalah tidak betul, sila beritahu kepada pihak **Kami** dengan segera.*

Tajuk tidak menjadi sebahagian daripada isi kandungan **Polisi** ini.

Borang cadangan berserta dengan **Jadual Polisi**, Manfaat, Terma, Peruntukan, Syarat, Ketetapan dan Fasal hendaklah dibaca bersama kerana ia membentuk kontrak insurans **Anda**.

Polisi ini menetapkan perlindungan Insurans yang **Anda** terima seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual** dan keadaan di mana **Anda** dilindungi dan tidak dilindungi.

Setengah perkataan dan pernyataan dicetak dalam **huruf tebal** kerana ianya mempunyai makna yang khusus di dalam **Polisi**. **Anda** boleh mendapatkan maksudnya di bahagian Definisi.

Perlindungan yang disediakan di bawah **Polisi** ini adalah tertakluk kepada **Anda** sepenuhnya dalam mematuhi dan memenuhi terma, peruntukan, syarat-syarat, ketetapan dan Fasal **Polisi**.

2. KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMBERITAHU KAMI

Komunikasi

Semua komunikasi dengan **Kami** mesti dibuat secara bertulis. Pengendorsan kontrak **Polisi** ini mesti dikeluarkan dan ditandatangani oleh pihak **Kami**.

Kewajipan Pendedahan sebelum Insurans ini diberikan

- Sebelum insurans ini disediakan untuk **Anda**, **Anda**, di bawah undang-undang, hendaklah memaklumkan kepada **Penanggung Insurans** semua maklumat penting yang berkaitan dan dijangka tahu yang akan menjadi sebahagian daripada Kontrak **Polisi** ini. **Anda** dikehendaki memberitahu **Penanggung Insurans** akan sebarang kecacatan fizikal yang sedia ada atau keadaan kesihatan.
- Jika **Anda** tidak secara keseluruhan dan jujur dalam memberikan maklumat ini, maka insurans ini boleh dianggap sebagai **Anda** tidak dilindungi oleh **Penanggung insurans**.

Kewajipan Pendedahan sepanjang tempoh insurans ini

Sepanjang tempoh insurans ini, **Anda** dikehendaki memberitahu **Kami** dengan serta merta tentang apa-apa perubahan dalam pekerjaan **Anda**, tugas kerja, aktiviti sukan atau apa-apa maklumat berkaitan yang boleh meningkatkan risiko. **Kami** mungkin meminta **Anda** membayar **premium** tambahan bagi peningkatan risiko tersebut.

Pembaharuan

Sebelum pembaharuan insurans, **Anda** dikehendaki, untuk memberitahu **Kami** secara bertulis **Anda** telah mengalami mana-mana kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan.

Kami mengesyorkan agar **Anda** mengkaji perlindungan **Anda** pada tarikh pembaharuan tahunan bagi memastikan bahawa **Polisi** ini memenuhi keperluan **Anda**.

Notis Insurans Lain-lain

Anda mesti memberitahu **Kami** sebarang insurans lain yang telah sedia ada melindungi **Anda** semasa pembelian insurans ini, atau semasa **tempoh insurans** tersebut.

Notis berkenaan perlu diberi dan disahkan oleh **Kami** dalam **Polisi** ini sebelum **berlakunya** sebarang kerugian yang membolehkan semua manfaat di bawah **Polisi** ini terbatal.

A. Kontrak Insurans Pengguna

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam **Jadual Polisi** dan menurut kepada kenyataan

yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak **Anda** pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang **Anda** berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara **Anda** dan pihak **Kami**. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan **Anda** atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Anda**, hanya remedi yang terdapat dalam Seksyen 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara **Anda** dan pihak **Kami**.

B. Kontrak Insurans Komersial

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam **Jadual Polisi** dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak **Anda** pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang **Anda** berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara **Anda** dan pihak **Kami**. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan **Anda** atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Anda**, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda**.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara **Anda** dan pihak **Kami**.

3. FASAL INSURANS

Sebagai pulangan untuk pembayaran premium oleh **Anda**, **Kami** akan membuat bayaran manfaat seperti amaun yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** kepada **Anda**, atau yang berkenaan dengan Kematian Akibat Kemalangan kepada Waris Pentadbir **Anda** atau Wasi harta **Anda**, jika dalam **tempoh insurans**, **Anda**, pemandu yang diberi kuasa dan / atau dinamakan sebagai pemandu dan / atau penumpang **Anda** mengalami **kecederaan badan akibat kemalangan** yang mengakibatkan Kecacatan / Hilang Upaya dan atau kematian dalam tempoh 12 bulan daripada kecederaan semasa memandu dan / atau menaiki kenderaan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** semasa membuat tuntutan.

Perlindungan untuk **Anda** dan / atau pemilik berdaftar meliputi diseluruh dunia dan dua puluh empat (24) jam.

Perlindungan untuk penumpang adalah semasa menaiki, menunggang, turun daripada kenderaan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

MANFAAT 1 - KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL

Manfaat	Situasi	Amaun Pampasan
A	Kematian Akibat Kemalangan (berlaku dalam tempoh duabelas (12) bulan daripada tarikh kemalangan)	Amaun yang dinyatakan dalam Jadual
B	Hilang upaya Kekal (berlaku dalam tempoh duabelas(12) bulan daripada tarikh kemalangan)	Amaun yang dinyatakan dalam Jadual dan Jadual Manfaat

1. Kesemua peratusan agregat yang dibayar termasuk kematian berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100%. Sekiranya jumlah 100% telah dibayar semasa tempoh **Polisi** ini, maka kesemua insurans di bawah ini hendaklah ditamatkan serta merta. Segala kerugian lain yang kurang daripada 100% sekiranya telah dibayar, akan mengurangkan perlindungannya di bawah Kematian dan Hilang Upaya Kekal untuk amaun sedemikian dari tarikh kemalangan sehingga tamat tempoh **Polisi**.

2. Sebarang Hilang Upaya Kekal tidak dinyatakan di Jadual Faedah hendaklah dinilai oleh **Kami** dengan membandingkan dengan jenis kecacatan / keupayaan dan peratusan manfaat yang perlu dibayar seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Faedah.

3. Sebarang kecacatan / Hilang Upaya hendaklah secara berterusan untuk tempoh berterusan sehingga 52 minggu dari tarikh kemalangan sebelum sebarang bayaran dibuat di bawah Perkara ini.

PERUNTUKAN KHAS

1. Kanak-kanak di bawah umur 10 tahun hanya berhak keatas 50% daripada manfaat.

2. Sekiranya bilangan sebenar penumpang di dalam kenderaan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** melebihi tiga (3) untuk kenderaan perdagangan; enam (6) untuk kenderaan persendirian, potongan pertama akan menjadi jumlah yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam jadual **Anda** dan/atau pemilik berdaftar. Baki jumlah yang diinsuranskan berdasarkan pelan yang dipilih, akan di kongsi bersama oleh semua penumpang berumur lebih daripada 10 tahun yang layak untuk 50% daripada manfaat tersebut, jumlah baki yang diinsuranskan akan diselaraskan sewajarnya.

3. Sekiranya pemandu yang diberi kuasa adalah bukan **Anda** dan / atau Pemilik Berdaftar dan jumlah sebenar penumpang di dalam kenderaan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** melebihi enam (6), maka jumlah yang diinsuranskan iaitu sebanyak RM140, 000 atau RM210, 000 masing-masing akan dikongsi bersama oleh semua penumpang yang berumur 10 tahun. Jika penumpang kanak-kanak di bawah 10 tahun yang layak untuk 50% daripada faedah, maka baki jumlah yang diinsuranskan hendaklah diselaraskan sewajarnya.

4. Sekiranya bilangan sebenar penumpang di dalam kenderaan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** adalah kurang daripada tiga (3) penumpang untuk kenderaan perdagangan; enam (6) untuk kenderaan persendirian, maka jumlah yang diinsuranskan bagi setiap penumpang yang berumur melebihi 10 tahun adalah seperti Jadual **Polisi**. Kanak-kanak di bawah 10 tahun berhak kepada 50% daripada jumlah..

5. Tiada had umur untuk penumpang yang menaiki dalam kenderaan itu.

6. **Anda** dan / atau Pemilik Berdaftar, Pemandu yang diberi kuasa oleh **Anda** untuk kenderaan tersebut seperti yang dinyatakan dalam Jadual, mestilah berumur 18 tahun hingga 70 tahun.

MANFAAT 2 – PERBELANJAAN PERUBATAN

Kami akan membuat bayaran balik kos perbelanjaan sebenar yang ditanggung dalam tempoh lima puluh dua minggu (52) dari tarikh kemalangan itu, tetapi tidak melebihi jumlah agregat yang dinyatakan di dalam **Jadual**, berkenaan dengan kecederaan anggota badan akibat kemalangan .

Jika berkenaan perbelanjaan perubatan yang akan dituntut dari mana-mana kelas insurans yang lain, **Kami** hanya akan bertanggungjawab keatas perbezaan bayaran dan jumlah keseluruhan kos sebenar perbelanjaan perubatan, tidak melebihi had yang di nyatakan dalam **Jadual**.

MANFAAT 3 – ELAUN PENGKABUNGAN

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, **Kami** akan membuat bayaran kepada waris jumlah keseluruhan sekali gus seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** sebagai elaun pengkebumian setelah penyerahan Laporan Polis serta Sijil Kematian. Pembayaran manfaat ini adalah bukan pengakuan liabiliti di bawah Manfaat 1 **Polisi** ini.

MANFAAT 4 – KOS AMBULANS

Kami akan membayar balik kos ambulans sebenar yang perlu ditanggung akibat kemalangan seperti jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual**.

4. DEFINISI

Perkataan atau ungkapan yang ditunjukkan di bawah mempunyai maksud di dalam **Polisi** dan **Jadual ini seperti berikut**.

"**Hilang Upaya Kekal**" bermaksud Hilang Upaya Kekal oleh seseorang dari mana-mana bahagian badan yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

"**Kemalangan**" bermaksud suatu peristiwa mengejut, dan tidak diduga.

" **Pemandu Yang Diberi Kuasa / Pemandu Yang Dinamakan**" bermaksud mana-mana orang yang memandu kenderaan anda seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** dengan kebenaran **Anda** dan / atau Pemilik Berdaftar.

"**Pemilik Berdaftar**" bermaksud seseorang yang didaftarkan sebagai pemilik/ tuan punya kenderaan bermotor.

"**Perbelanjaan perubatan**" bermaksud kos pembedahan perubatan atau pemerhatian pemulihan, rawatan atau peralatan yang diberi atau disarankan oleh **Doktor** Perubatan dan hospital kejururawatan.

5. PENGECUALIAN

Kami tidak akan membayar apa jua akibat yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut, sama ada atau tidak akibat itu telah disumbangkan oleh mana-mana sebab atau kejadian lain: -

1. (a) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, insurreksi, dahagi atau rampasan kuasa, tentera atau kebangkitan, apa-apa tindakan keganasan.

(b) sebarang tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah, menyekat atau dalam apa jua cara berkaitan dengan (a) di atas.

2. Pengionan, radiasi atau pencemaran akibat radioaktif daripada sebarang bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear atau bahan senjata nuklear.

3. Bunuh diri atau percubaan bunuh diri, kecederaan yang sengaja **Anda** lakukan, tidak kira kewarasan fikiran **Anda** pada masa insiden berlaku, atau ketidaksiuan.

4. Prosedur perubatan atau pembedahan melainkan prosedur tersebut menjadi satu keperluan selepas kecederaan badan akibat kemalangan.

5. Sebarang bentuk penyakit termasuk tetapi tidak terhad kepada HIV (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit manusia) dan / atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) atau Gejala berkaitan AIDS (ARC) walau apa pun puncanya.

6. Sebarang bentuk jangkitan parasit termasuk tetapi tidak terhad kepada penyakit atau penyakit yang berbangkit daripada atau yang disebabkan oleh nyamuk yang mengakibatkan Denggi, Malaria dan Ensefalitis Jepun (JE).

7. Kelahiran anak, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi yang berkaitan, atau kecacatan fizikal atau mental yang sedia ada atau kelemahan badan.

8. Pembunuhan atau serangan disebabkan provokasi.

9. Penerbangan, selain daripada menaiki pesawat berlesen sebagai penumpang yang membayar tambang.

10. Semasa melakukan atau cuba melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang, pembabitn dalam percubaan untuk, atau bersubhat dalam mana-mana jenayah yang melibatkan niat atau tindakan jenayah yang disengajakan.

11. Pengaruh, atau disebabkan secara sepenuhnya atau sebahagiannya oleh kesan alkohol atau dadah (selain daripada ubat yang diambil menurut preskripsi rawatan dan diarahkan oleh **Doktor** tetapi mengecualikan ubat yang digunakan untuk merawat ketagihan dadah).

12.Semasa mengambil bahagian dalam mana-mana sukan profesional.

13.Semasa mengambil bahagian dalam sukan yang berikut: -

- a) seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti-aktiviti udara termasuk payung terjun dan sukan luncur gantung(kecuali bungee jumping), aktiviti air melebihi 50 meter kedalaman, mendaki gunung secara profesional dengan penggunaantali atau panduan mekanikal
- b) apa-apa jenis pertandingan kelajuan.
- c) lumba lari berhalangan, meluncur dan hoki ais.

14. Menunggang motosikal atau memandu kereta / kenderaan / peralatan tanpa lesen memandu yang sah atau ketika tahap alkohol dalam darah anda melebihi tahap yang dibenarkan .

15.Ketika terlibat dalam penggunaan mesin kerja kayu yang menggunakan kuasa mekanikal.

16.Pendedahan kepada bahaya dengan sengaja dan tidak perlu, kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia.

17.Semasa kenderaan digunakan untuk kegiatan menyalahi undang-undang sebagai pengangkutan umum yang tidak berlesen.

6. PEKERJAAN YANG DIKECUALIKAN

Anda tidak akan dilindungi di bawah polisi ini jika **Anda** bekerja atau terlibat dalam mana-mana pekerjaan yang berikut: -

Jurulatih Haiwan, Artis (pawagam, tarian, band atau teater), Kerja-kerja perobohan, Penyelam, Pekerja Dok, Pelaut dan Nelayan, Penunggang, Pekerja Pelantar Minyak, Pemandu Tangki Minyak, Polis, Pekerja Kuari, Pembina Kapal dan Kerja-kerja membaiki, Pengukur dan Pembaik pulih bangunan, Kuli Pelabuhan, Pembalakan Kayu atau Pengekstrakan atau Pekerja Pembersihan Hutan, Pembersih Tingkap (luar melebihi 30 kaki tinggi), Pengendali kerja-kerja kayu, pekerja yang mengendalikan bahan letupan, Krew Pesawat, Tentera dan Anggota Perkhidmatan, Pelombong dan pekerja di bawah tanah , Atlet Profesional, Pemandu Perlumbaan dan Ahli Sukan , Tentera Laut, Tentera atau Operasi Perkhidmatan Tentera Udara, Krew kapal, Pemandu Ambulans, Penguji Pesawat, Juruterbang atau Krew sebuah Pesawat, Pegawai Penguatkuasaan Undang-undang, dan Wartawan Perang.

7. SYARAT

1. Kewajipan untuk mematuhi syarat

Kami hanya akan bertanggungjawab untuk membuat sebarang pembayaran di bawah polisi ini jika **Anda** telah mematuhi terma, peruntukan , syarat-syarat dan pengendorsan polisi pada setiap masa dengan syarat-syarat terdahulu kepada liabiliti kami di bawah polisi ini.

2.Salah Nyataan / Penipuan

Jika cadangan atau perisytiharan yang diberikan oleh **Anda** tidak benar dalam mana-mana berkenaan, jika ada fakta penting yang mempengaruhi risiko tidak dinyatakan dengan betul di dalamnya atau ditinggalkan daripadanya atau jika insurans ini atau sebarang pembaharuan padanya sepatutnya diperoleh melalui sebarang salah nyata, gambaran yang salah atau penyekatan ayat atau jika apa-apa tuntutan yang dibuat adalah palsu atau diperbesar atau jika sebarang pengisytiharan atau kenyataan yang palsu dibuat untuk menyokongnya, maka dalam apa jua kes, **Polisi** ini adalah tidak sah.

3.Pemberitahuan , Prosedur dan Penyelesaian Tuntutan

a) Notis bertulis tentang sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan hendaklah dikemukakan kepada **Kami** secepat yang mungkin sewajarnya dan dalam apa jua keadaan tidak lewat daripada empat belas (14) hari selepas kemalangan yang menyebabkan kecederaan tersebut.

b) **Anda** hendaklah mendapatkan nasihat perubatan atau pembedahan dan bertindak atasnya secepat yang mungkin.

c) **Anda** mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan selanjutnya atas perbelanjaan **Kami**.

d) **Kami** hanya akan membayar manfaat jika sebarang sijil perubatan dan bukti lain yang mungkin **Kami** perlu diberikan atas permintaan dan perbelanjaan **Anda**.

e) Apabila manfaat di bayar , selepas **Anda** memberi **Kami** resit atau bukti pelepasan, liabiliti **Kami** bagi keadaan tersebut akan dikurangkan sebanyak jumlah yang dibayar atau tamat jika manfaat penuh telah dibayar.

f) **Kami** berhak untuk menolak tuntutan sekiranya **Kami** tidak berpuas hati dengan bukti yang diberikan untuk mengesahkan sama ada: -

- I. Identiti **Anda** atau
- II. Keadaan kehilangan

g)Sekiranya berlaku Kecederaan Badan Akibat Kemalangan yang menyebabkan kematian, **Kami** berhak untuk menjalankan pemeriksaan bedah siasat atas perbelanjaan kami. Notis segera secara bertulis dengan menyatakan masa dan tempat hendaklah diberikan kepada **Kami** sebelum pengebumian atau pembakaran mayat.

Syarat Khas:

i.Tiada pemegang serah hak berhak kepada apa-apa pampasan di bawah dasar ini kecuali berkenaan kematian. Waris apabila dinamakan dalam polisi ini adalah atas permintaan anda tapi kami tidak terikat untuk membayar pampasan yang mungkin dibayar dibawah polisi ini kepada waris anda kecuali waris yang sah di segi undang-undang.

ii.Semua tuntutan dibawah hendaklah melalui **Anda**.

4. LaranganPenyerah Hak

Dasar ini tidak boleh diberikan, dan **Kami** tidak akan terikat untuk menerima atau dipengaruhi oleh sebarang notis dari mana-mana amanah, gadaian atau Pemindahan.

5. Pembatalan

a) **Anda** berhak untuk membatalkan **Polisi** ini bila-bila masa(dengan syarat tiada tuntutan berlaku dalam **Tempoh Insurans semasa**) dengan memberikan notis bertulis kepada **Kami**. **Anda** layak mendapat bayaran balik premium selepas **Syarikat** menolak kadar jangka pendek yang lazim.

Kadar Jangka Pendek:

Tempoh tidak melebihi Bayaran balik premium % tidak melebihi

1 bulan	75
2 bulan	60
3 bulan	50
4 bulan	37.5
5 bulan	30
6 bulan	25
7 bulan	17.5
8 bulan	12.5
Lebih daripada 8 bulan	Bayaran balik premium tidak dibenarkan

b) **Kami** boleh pada bila-bila masa membatalkan **polisi** ini dengan menghantar notis tempoh (14) empat belas hari secara bertulis kepada alamat terakhir **Anda** dan akan mengembalikan **premium** pro rata bersamaan dengan **tempoh insurans** yang belum luput.

6. **Pembayaran Premium – Warranti tunai sebelum perlindungan** **Anda** perlu membayar premium penuh sebelum perlindungan di bawah **Polisi** ini berkuatkuasa.

7.Kehilangan

Jika **Anda** hilang dalam tempoh insurans ini, dan **Anda** tidak dijumpai selepas setahun dari tarikh kehilangan yang dilaporkan dan bukti yang mencukupi yang disediakan memuaskan kepada **Kami** dimana mereka pada akhirnya membawa kepada kesimpulan bahawa **Anda** mengalami kecederaan badan akibat kemalangan itu dan lalu kecederaan tersebut membawa kepada kematian **Anda**, maka **Kami** akan membayar manfaat kematian di bawah insurans ini dengan syarat bahawa orang yang mana jumlah wang itu dibayar kepadanya hendaklah menandatangani suatu akujanji untuk memulangkan wang kepada **Kami** jika didapati **Anda** hidup selepas itu.

8.Mastautin

Anda mestilah menjadi pemastautin tetap di Malaysia dan

Singapura selama sekurang-kurangnya 40 minggu dalam mana-mana tempoh 52 minggu selagi perlindungan masih berkuat kuasa. Anda mesti memaklumkan kepada **Kami** secepat mungkin mengenai sebarang perubahan tempat mastautin.

9. Klausula kewajipan pendedahan

A. Kontrak Insurans Penggunaan

Apabila **Anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan **Anda**, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, **Anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda** selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan pihak **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Insurans Komersial

Apabila **Anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda**.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

8. GLOSSARI

Perkataan atau ungkapan yang ditunjukkan di bawah akan mempunyai maksud berikut di dalam **Polisi** ini dan **Jadual**.

“Kecederaan Badan Akibat Kemalangan”. Kecederaan badan yang dialami dalam tempoh insurans disebabkan secara langsung oleh kejadian malang, tidak disengajakan, luaran dan ketara yang semata-mata dan secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain yang mengakibatkan tuntutan untuk kematian dan kehilangan upaya. Ini dilanjutkan kepada kecederaan badan yang disebabkan oleh pendedahan kepada unsur bencana alam. Ini tidak termasuk sebarang penyakit, kesakitan, jangkitan bakteria atau virus, (melainkan disebabkan secara langsung oleh **Kecederaan Badan Akibat Kemalangan**) keadaan yang berlaku secara semula jadi atau proses degeneratif atau disebabkan oleh sebarang punca yang berlaku secara beransur-ansur.

“Tindakan Keganasan”. Bagi tujuan ini, tindakan keganasan bermakna tindakan yang termasuk tetapi tidak terbatas kepada penggunaan kekerasan atau keganasan, oleh mana-mana orang atau kumpulan, sama ada secara sendirian atau bagi pihak orang lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang komited kerana politik, agama, ideology atau etnik, termasuk dengan hasrat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk menakutkan orang awam, atau mana-mana pihak awam dalam ketakutan.

“Doktor”. Seorang pengamal perubatan yang berkelayakan dan berdaftar dengan Majlis Perubatan Am.

“Pengendorsan” bermakna perubahan secara bertulis kepada terma-terma, syarat-syarat dan had-had **Polisi** ini.

“Kejadian” bermakna tempoh sebenar apabila insiden berlaku.

“Tempoh Insurans” bermakna tempoh dimana **Anda** di insuranskan Bernula setelah pembayaran dibuat dan diterima oleh pihak kami dan berakhir pada tengah malam tamat tempoh insurans. Tarikh tersebut tertera di dalam jadual polisi.

“Polisi” bermakna kontrak insurans **Anda** yang mengandungi **Polisi** ini, **Jadual** dan sebarang **Pengendorsan**.

“Premium” bermakna jumlah yang **Kami** tetapkan untuk **Anda** bayar di bawah Polisi dan termasuk Caj kerajaan.

“Jadual” bermakna **jadual polisi** di mana manfaat dan jumlah yang diinsuranskan dinyatakan.

“Kami” bermakna syarikat insurans.

“Anda dan penama yang diinsuranskan” bermakna orang yang dinamakan dalam jadual sebagai pihak diinsuranskan.

9. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Dengan memberikan maklumat peribadi **Anda**, bermakna **Anda** memberi kebenaran kepada **Kami** untuk menggunakannya sebagaimana diuraikan di bawah:

- i. Untuk memproses data peribadi **Anda** dengan matlamat untuk melaksanakan kontrak insurans.
- ii. **Anda** membenarkan dan mengizinkan **Kami** untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan **Kami**, khususnya,
 - a) Penyelaras berlesen yang berdaftar,
 - b) Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan kontrak insurans,
 - c) Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula,
 - d) Insurance Services Malaysia Berhad (ISM)
- iii. Subjek Data (pencadang) hendak dimaklumkan tentang haknya untuk menyemak data dan untuk meminta pembetulan data peribadinya.

Notis: Menurut peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, **Anda** boleh menghubungi Customer Contact Center kami untuk mendapatkan butir-butir data peribadi **Anda**. Maklumat sedemikian akan hanya diberikan selepas pengesahan. **Anda** boleh mengemaskinikan/membetulan data dengan memberikan butir-butirnya secara bertulis kepada **Kami**.

10. JADUAL MANFAAT

JADUAL MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL	Peratusan daripada jumlah pokok yang diinsuranskan
A. KEMATIAN KEMALANGAN (berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar selepas tarikh kemalangan)	100%
B. HILANG UPAYA KEKAL (berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar selepas tarikh kemalangan)	100%
Hilang atau kehilangan kekal penggunaan dua anggota	100%
Hilang atau kehilangan kekal penggunaan kedua-dua tangan, atau semua jari dan kedua-dua ibu jari	100%
Lumpuh sepenuhnya	100%
Kecederaan menyebabkan terlantar kekal	100%

Gila sepenuhnya		100%
Apa –apa kecederaan lain menyebabkan hilang upaya kekal		100%
Hilang atau kehilangan kekal penggunaan lengan di bahu		100%
Hilang atau kehilangan kekal penggunaan antara bahu dan siku		100%
Hilang atau kehilangan kekal penggunaan lengan di siku		100%
Hilang atau kehilangan kekal penggunaan lengan antara siku dan pergelangan tangan		100%
Hilang atau kehilangan kekal penggunaan tangan di pergelangan tangan		100%
Hilang atau kehilangan kekal penggunaan kaki	Di pinggul	100%
	Antara lutut dan pinggul	100%
	Antara lutut dan pergelangan kaki	100%
Hilang mata	Kedua-dua mata	100%
	Hilang penglihatan satu mata	100%
	Hilang penglihatan satu mata, kecuali peka kepada cahaya	50%
	Kanta satu mata	50%
Hilang atau kehilangan kekal penglihatan empat jari dan ibu jari pada satu tangan		50%
Hilang atau kehilangan kekal penggunaan empat jari		40%
Hilang atau kehilangan kekal penggunaan ibu jari	Kedua-dua falanks	30%
	Satu falank	15%
Hilang atau kehilangan kekal penggunaan jari telunjuk	Tiga falanks	15%
	Dua falanks	10%
	Satu falank	5%
Hilang atau	Tiga falanks	8%

kehilangan kekal penggunaan jari hantu	Dua falanks	5%
	Satu falanks	3%
Hilang atau kehilangan kekal penggunaan jari manis	Tiga falanks	6%
	Dua falanks	5%
	Satu falanks	3%
Hilang atau kehilangan kekal penggunaan jari kelingking	Tiga falanks	5%
	Dua falanks	4%
	Satu falanks	3%
Hilang atau kehilangan kekal penggunaan metakarpus	Pertama atau kedua (tambahan)	4%
	Tiga, empat atau lima (tambahan)	3%
Hilang atau kehilangan kekal penggunaan jari kaki	Semua	20%
	Ibu jari, kedua-duanya	8%
	Ibu jari, satu falanks	3%
	Selain ibu jari kaki, jika lebih dan ibu jari setiap satu	2%
Hilang pendengaran	Kedua-dua telinga	75%
	Satu telinga	25%
Hilang pertuturan		50%
Pemendekan lengan	Lebih dari 1" sehingga 2"	2.5%
	Lebih dari 2" sehingga 4"	5%
	Lebih dari 4"	12.5%
Pemendekan kaki	Lebih dari 1"sehingga 2"	5%
	Lebih dari 2" sehingga 4"	10%
	Lebih dari 4"	25%

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan di gunakan.